

13 DEC 1998

Mahathir-Kewibawaan

MAHATHIR INGATKAN UMNO KEKALKAN KEWIBAWAAN DAN PERPADUAN

KUALA LUMPUR, 13 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kewibawaan Umno, faktor utama ia terus mendapat sokongan rakyat untuk menjadi tunggak kerajaan Barisan Nasional, akan sentiasa terpelihara jika anggota parti terus mengekalkan perpaduan.

Perdana Menteri berkata jika Umno tidak mengekalkan perpaduan, parti itu akan kehilangan kewibawaan dan kekukuhan sebagai parti politik dan tidak dihormati oleh rakyat, institusi serta instrumen kerajaan dan pentadbiran negara.

"Jika Umno berpecah dan pemimpin tidak mendapat mandat dan sokongan daripada parti, tidak akan ada sesiapa di kalangan tentera, polis, dan pentadbir yang akan menghormati arahan kerajaan yang didirikan oleh parti," kata beliau dalam ucapan dasar pada perhimpunan agung khas Umno di sini hari ini.

Dr Mahathir yang juga presiden parti berkata Umno berjaya sejak menentang Malayan Union; menerajui kerajaan Perikatan dan kini BN dalam pilihan raya demi pilihan raya; dan berjaya dalam pentadbiran serta pembangunan negara, kerana ia berwibawa.

Kewibawaan Umno adalah kerana kekukuhannya sebagai sebuah parti politik dengan para pemimpinnya dapat menjalankan tugas dengan baik kerana mendapat sokongan padu daripada anggota, katanya.

"...Sokongan yang padu menjamin segala keputusan Kerajaan disokong penuh oleh semua pihak dalam kerajaan dan parti. Dengan itu, semua anggota kerajaan, baik pentadbir sivil, pegawai polis atau tentera menghormati dan menurut dasar dan pendekatan yang diputuskan oleh Kerajaan," katanya.

Beliau berkata jika Umno berpecah dan pemimpin tidak mendapat mandat serta sokongan daripada parti, tidak akan ada sesiapa di kalangan tentera, polis dan pentadbir yang akan menghormati arahan kerajaan yang didirikan parti.

Di kebanyakan negara, kewibawaan pertubuhan atau individu yang memerintah bergantung kepada pasukan bersenjata yang diberi kedudukan istimewa, katanya.

"Sistem 'palace guard' yang bersenjata yang bertanggungjawab mempertahankan pucuk pimpinan tidak ada di Malaysia. Yang ada hanyalah tentera dan polis biasa yang tidak mempunyai kesetiaan peribadi kepada mana-mana pemimpin.

"Mereka adalah profesional dan bertindak mengikut undang-undang dan susunan kuasa pemerintahan. Sesiapa sahaja yang memegang teraju Kerajaan akan diterima oleh mereka sebagai pihak berkuasa," katanya.

Dr Mahathir sebelum itu mengimbas kembali bagaimana Umno dari awal perjuangannya menentang Malayan Union dan menerajui Perikatan, muncul sebagai parti yang dihormati dan berwibawa hasil perpaduan anggota dan sokongan padu kepada pemimpin.

"Di waktu Umno ditubuhkan, orang Melayu hanya kenal raja-raja sebagai ketua negeri dan pemimpin. Rakyat (ketika itu) tidak terlibat dengan politik justeru mereka tidak percaya akan kepimpinan yang terdiri daripada rakyat, terutamanya kepimpinan untuk seluruh negara.

"Tidak ramai yang ingin menonjolkan diri untuk memimpin sebuah organisasi politik yang dikehendaki mencabar penjajah, bahkan raja-raja sendiri. Mencari pemimpin menjadi masalah besar bagi orang Melayu. Apabila ada tokoh yang berbakat dan berani sedikit, ia mudah diterima tanpa apa-apa cabaran," katanya.

Ini diteruskan hingga selepas negara mencapai kemerdekaan. Demikianlah mudahnya pemimpin diterima sehingga tidak ada cabaran terhadap Yang Dipertua, Timbalannya dan Naib-naib Yang Dipertua pada tiap-tiap tahun pemilihan Majlis Kerja Tertinggi Umno diadakan.

"Selepas dipilih tidak ada yang tidak diterima oleh mana-mana pihak kerana tidak ada kumpulan dalam Umno. Dengan ini Umno kuat, tumpat dan berwibawa," katanya.

Dr Mahathir berkata di kebanyakan negara yang mencapai kemerdekaan setelah sekian lama dijajah oleh kuasa-kuasa barat, kegagalan memerintah dan membangunkan negara adalah disebabkan oleh hampir tidak ada pemerintahan di negara-negara ini yang berwibawa.

"Adakalanya mereka menggugurkan demokrasi mendirikan kerajaan satu parti atau pemerintahan kuku besi. Tetapi kerajaan-kerajaan itu terdedah kepada penyalahgunaan kuasa dan pembangunan negara juga tidak dapat diadakan," katanya.

Perdana Menteri berkata Malaysia sehingga kini masih berjaya mengadakan kerajaan yang berwibawa dan formula yang diciptakan oleh pengasas Umno masih dapat diamalkan.

Bukan sahaja Umno berjaya mengekalkan susunan parti tetapi cara ia bekerjasama dengan parti-parti lain juga masih dapat diteruskan.

"Tetapi kunci segala-galanya adalah Umno yang berwibawa," katanya.

Bagaimanapun katanya presiden Umno hanya akan memegang jawatan Perdana Menteri jika Umno mendapat kemenangan dalam pilihan raya umum.

Apakah Umno akan tetap memenangi pilihan raya dan menerajui Barisan Nasional, apakah BN akan terus menerima Umno jika parti lemah dan apakah BN tetap mendapat majoriti kerusi, bergantung kepada kekuatan Umno sendiri, katanya.

Parti tidak boleh berfungsi jika ianya tidak tersusun rapi dan tidak mempunyai pemimpin yang disokong penuh,.

Menurut Perdana Menteri apabila pemimpin sudah dipilih, sokongan padu harus diberi kepadanya kerana hanya itu sahaja yang boleh menentukan kewibawaan pemimpin itu.

"Selagi ia menjadi pemimpin selama itulah ia perlu disokong. Kesetiaan dan ketaatan kepadanya bukanlah kerana tubuh badannya, kerana peribadinya. Kesetiaan kepadanya adalah kerana jawatannya, jawatan yang disandang olehnya mengikut perlembagaan dan melalui pemilihan parti.

"Jika ia gagal mengekalkan kepercayaan parti kepadanya, maka ia boleh digugur oleh parti juga mengikut perlembagaan parti," tegas beliau.

-- BERNAMA

ZKS RON